

# LADIES NIGHT BAKAT PU SUBANG TAHUN 2018

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4179-ladies-night-bakat-pu-subang-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4179-ladies-night-bakat-pu-subang-tahun-2018)

SUBANG, 24 Nov 18 - BAKAT Udara PU Subang telah menganjurkan aktiviti 'Ladies Night' bagi tahun 2018 yang telah di sertai seramai 112 ahli BAKAT Udara bertempat di Wisma Perwira PU Subang. Majlis tersebut yang julung-julung kali diadakan ini turut dihadiri oleh Pengerusi BAKAT PU Subang, Datin Hjh Siti Norlela bt Alwi bertujuan untuk meraikan mantan AJKK dan Pegawai BAKAT Pangkalan selain merapatkan hubungan dan ukhwah antara ahli BAKAT Pangkalan.



Majlis yang bertemakan "Night Of Appreciation & Joy" ini telah menganjurkan pelbagai acara seperti sesi karaoke, cabutan bertuah dan 'gift exchange'. Majlis ini turut meraikan ahli yang aktif dari setiap unit yang telah banyak memberi sumbangan dan komitmen dalam setiap aktiviti BAKAT yang diadakan sepanjang tahun.